

Prinsip Bon Berkaitan Kelestarian Garis Panduan Proses Sukarela

Jun 2020

PENAFIAN: “Untuk mengelakkan keraguan, versi asal Prinsip Bon Berkaitan Kelestarian dalam Bahasa Inggeris yang diterbitkan di laman sesawang ICMA merupakan versi rasmi dokumen ini. Terjemahan ini adalah hanya untuk maklumat sahaja.”

PENGENALAN

Bon Berkaitan Kelestarian (“SLB”) bertujuan untuk mengembangkan lagi peranan utama pasaran hutang dalam membiayai dan menggalakkan syarikat yang menyumbang kepada kelestarian (dari perspektif Alam Sekitar dan/atau Sosial dan/atau Tadbir Urus, “ESG”). Untuk memainkan peranan ini dan bagi pasaran untuk terus berkembang, integriti merupakan ciri terpenting. Prinsip Bon Berkaitan Kelestarian (“SLBP”) menyediakan garis panduan yang menyarankan ciri-ciri penstrukturan, penzahiran dan pelaporan. SLBP disediakan untuk kegunaan peserta pasaran dan dirangka untuk mendorong penyediaan maklumat yang diperlukan untuk meningkatkan peruntukan modal kepada produk kewangan sedemikian. SLBP terpakai kepada semua jenis penerbit dan sebarang jenis instrumen pasaran modal kewangan.

Penerbitan yang sejajar dengan SLBP perlu menyediakan peluang pelaburan dengan kelayakan kelestarian yang telus. Bon Berkaitan Kelestarian memberi insentif kepada penerbit untuk mencapai objektif kelestarian (ESG) yang material, kuantitatif, yang ditentukan terlebih dahulu, berwawasan, dipantau dengan kerap dan disahkan oleh pihak luar melalui Petunjuk Prestasi Utama (“KPI”) dan Sasaran Prestasi Kelestarian (“SPT”).

SLBP bersifat kolaboratif dan konsultatif berdasarkan sumbangan daripada Ahli-ahli dan para Pemerhati Prinsip-Prinsip Bon Hijau dan Bon Sosial (dirujuk sebagai Prinsip-prinsip atau “GBP/SBP”), dan komuniti pihak berkepentingan yang lebih meluas. Prinsip-prinsip tersebut diselaraskan oleh sebuah Jawatankuasa Eksekutif. SLBP akan dikemas kini dari masa ke semasa bagi mencerminkan perkembangan dan pertumbuhan pasaran global Bon Berkaitan Kelestarian.

DEFINISI BON BERKAITAN KELESTARIAN

Bon Berkaitan Kelestarian (“SLB”) ialah apa-apa jenis instrumen bon yang mana ciri-ciri kewangan dan/atau struktur yang berbeza bergantung kepada pencapaian objektif Kelestarian/ESG penerbit yang telah ditentukan sebelumnya. Ini jelas menunjukkan komitmen penerbit (termasuk di dalam dokumentasi bon) terhadap penambahbaikan kepada hasil (*outcome*) kelestarian pada masa hadapan dalam garis masa yang telah ditetapkan sebelumnya. SLB ialah instrumen berasaskan prestasi yang bersifat memandang ke hadapan.

Objektif tersebut (i) diukur melalui Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan (ii) dinilai berpandukan Sasaran Prestasi Kelestarian (SPT) yang ditetapkan sebelumnya.

Oleh kerana hasil kutipan SLB digunakan bagi tujuan am, penggunaan hasil kutipan tersebut bukan menjadi penentu dalam proses pengelasannya. Namun demikian, dalam keadaan tertentu, penerbit mungkin memilih untuk menggabungkan pendekatan GBP/SBP dengan SLBP. Oleh itu, SLB tidak boleh disamakan dengan Bon Lestari (iaitu bon Penggunaan Hasil Kutipan seperti mana yang ditakrifkan oleh Garis Panduan Bon Lestari).

PRINSIP BON BERKAITAN KELESTARIAN

SLBP ialah garis panduan proses secara sukarela yang menggariskan amalan terbaik bagi instrumen kewangan untuk menggabungkan hasil ESG yang pandang ke hadapan dan menggalakkan integriti dalam pembangunan pasaran Bon Berkaitan Kelestarian dengan menjelaskan kaedah bagi penerbitan SLB.

SLBP disasarkan untuk digunakan secara meluas oleh pasaran: ia menyediakan panduan kepada penerbit berkenaan komponen utama yang terlibat dalam penerbitan SLB yang boleh dipercayai dan berwawasan; SLBP membantu pelabur dengan menggalakkan akauntabiliti penerbit dalam strategi kelestarian mereka dan ketersediaan maklumat yang diperlukan untuk menilai pelaburan SLB mereka; dan ia membantu penaja jamin dengan menggerakkan pasaran ke arah kaedah penstrukturan dan penzahiran yang dijangka akan memudahcarakan urusan niaga yang boleh dipercayai.

SLBP menyarankan proses yang jelas dan komitmen yang telus bagi penerbit bon, untuk kegunaan para pelabur, bank, penaja jamin, ejen penempatan dan pihak lain bagi memahami ciri-ciri kewangan dan/atau struktur SLB. SLBP menekankan ketelusan, ketepatan dan integriti maklumat yang disarankan dan dikehendaki untuk dizahirkan dan dilaporkan oleh penerbit kepada pihak berkepentingan.

SLBP mempunyai lima komponen teras:

1. Pemilihan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
2. Penentuan Sasaran Prestasi Kelestarian (SPT)
3. Ciri-ciri bon
4. Pelaporan

5. Pengesahan

SLBP menyarankan agar penerbit berkomunikasi secara terbuka mengenai rasional bagi pemilihan KPI mereka (iaitu keberkaitan, kematangan), motivasi bagi SPT (iaitu tahap wawasan, ketekalan dengan perancangan strategik keseluruhan dan kaedah penandaarasan), potensi perubahan dalam ciri-ciri kewangan dan/atau struktur bon dan peristiwa pencetus yang membawa kepada perubahan tersebut, pelaporan pascapenerbitan dan pengesahan secara bebas yang didasarkan, serta gambaran keseluruhan berkenaan kesejajaran penerbit dengan SLBP.

Supaya lebih jelas, satu senarai semak (yang tidak terhad) berkenaan penzahiran pra dan pascapenerbitan yang disarankan atau dikehendaki boleh didapati dalam Lampiran II.

1 Pemilihan KPI

Kredibiliti pasaran Bon Berkaitan Kelestarian bergantung pada pemilihan satu atau lebih KPI. Bagi memastikan kejayaan instrumen ini, adalah penting untuk mengelakkan peningkatan KPI yang tidak realistik. Prestasi kelestarian penerbit diukur menggunakan KPI kelestarian, sama ada secara luaran atau dalaman.

Pertama, KPI hendaklah signifikan kepada strategi kelestarian dan perniagaan teras penerbit dan mampu menangani cabaran alam sekitar, sosial dan/atau tadbir urus yang berkaitan dengan sektor industri dan berada di bawah kawalan pengurusan.

KPI hendaklah:

- relevan, teras dan signifikan kepada perniagaan keseluruhan penerbit dan mempunyai kepentingan strategik yang tinggi kepada operasi semasa dan/atau masa depan penerbit;
- boleh diukur atau boleh dinyatakan kuantitinya berasaskan metodologi yang konsisten;
- boleh disahkan oleh pihak luar; dan
- boleh ditanda aras, iaitu, sebolehnya menggunakan rujukan atau takrifan luar untuk memudahkan penilaian tahap aspirasi SPT.

Penerbit digalakkan, di mana mungkin, untuk memilih KPI yang telahpun dinyatakan di dalam laporan tahunan, laporan kelestarian atau penzahiran pelaporan bukan kewangan lain bagi membolehkan pelabur menilai prestasi lampau KPI yang dipilih. Sekiranya penerbit belum pernah menzahirkan KPI tersebut, penerbit hendaklah, setakat mana mungkin, menyediakan nilai KPI lampau yang disahkan oleh pihak luar bagi tempoh sekurang-kurangnya 3 tahun sebelumnya.

Penerbit perlu memberi perhatian terhadap perkembangan teknologi dan perubahan persekitaran kawal selia¹ dari masa ke semasa.

Penerbit disarankan untuk berkomunikasi dengan jelas dengan para pelabur berkenaan rasional dan proses pemilihan KPI dan kaedah KPI pilihan tersebut dipadankan dengan strategi kelestarian mereka.

Definisi KPI yang jelas hendaklah diberikan dan merangkumi skop atau perimeter yang digunakan (cth. peratusan jumlah pelepasan oleh penerbit bagi sasaran yang berkaitan); serta metodologi pengiraan (cth. definisi yang jelas bagi pembawah untuk KPI berasaskan intensiti, definisi garis dasar, yang mana sesuai, bagi KPI berasaskan sains atau ditanda aras menurut piawaian industri (sebagai contoh, mempertimbangkan falsafah SMART, iaitu spesifik, boleh diukur, boleh dicapai, relevan dan terikat dengan masa).

2 Penentuan Sasaran Prestasi Kelestarian (SPT)

Proses penentuan satu atau lebih SPT bagi setiap KPI adalah penting kepada penstrukturan SLB kerana ia menyatakan tahap komitmen yang sedia diberikan oleh penerbit, dan dengan itu dianggap realistik.

SPT mesti ditetapkan dengan kepercayaan mutlak dan penerbit hendaklah menyatakan maklumat strategik yang boleh menjejaskan pencapaian SPT.

SPT mestilah mempunyai aspirasi, iaitu:

- menunjukkan penambahbaikan yang signifikan bagi setiap KPI dan berada di luar lingkungan hala tuju “Perniagaan seperti Biasa”;
- di mana mungkin, dibandingkan dengan penanda aras atau rujukan luar;
- konsisten dengan strategi keseluruhan kelestarian/ESG penerbit; dan
- ditentukan dalam garis masa yang telah ditetapkan, iaitu sebelum (atau serentak dengan) penerbitan bon.

Penetapan sasaran hendaklah berdasarkan gabungan pendekatan penandaarasan berikut:

¹ Rujukan kepada atau inspirasi daripada piawaian kawal selia atau taksonomi dalam pemilihan KPI berkaitan seperti: Taksonomi EU bagi aktiviti lestari atau Katalog Negara China, boleh digunakan. Begitu juga dengan rujukan kepada matlamat dan objektif yang ditetapkan dalam perjanjian antarabangsa seperti Perjanjian Paris (sumbangan ditentukan mengikut negara dan objektif kenaikan suhu sebanyak 1.5°C atau 2°C) atau Agenda 2030 untuk Pembangunan Lestari (Matlamat Pembangunan Kelestarian).

Penerbit juga perlu mengambil maklum tentang usaha-usaha yang sedia ada dan sedang dijalankan ke atas metrik impak alam sekitar dan sosial oleh Prinsip Bon Hijau (GBP) yang boleh membantu mengenal pasti KPI dan metodologi pengiraan yang berkaitan. Rujukan kepada inisiatif pelbagai pihak berkepentingan awam dan swasta juga berguna dan contoh-contohnya boleh didapati melalui pautan berikut: <https://www.icmagroup.org/green-social-and-sustainability-bonds/resource-centre/>.

- prestasi penerbit sendiri sepanjang tempoh sekurang-kurangnya 3 tahun, di mana sesuai, bagi rekod prestasi pengukuran KPI terpilih, dan di mana mungkin, panduan pandang ke hadapan bagi KPI tersebut, dan
- kedudukan relatif SPT penerbit antara rakan setaranya, sekiranya ada (purata prestasi, prestasi terbaik) dan boleh dibandingkan, atau terhadap piawaian semasa peringkat industri atau sektor; dan/atau
- rujukan bersistematik kepada senario berasaskan sains, atau tahap mutlak (cth. anggaran karbon) atau kepada sasaran rasmi negara/rantau/antarabangsa (Perjanjian Paris Mengenai Perubahan Iklim dan matlamat sifar bersih, Matlamat Pembangunan Kelestarian (SDG) dan lain-lain) atau terhadap teknologi terbaik (*Best-Available-Technologies*) yang diiktiraf atau proksi lain untuk menentukan sasaran yang relevan dalam setiap tema alam sekitar dan sosial.

Penzahiran mengenai penetapan sasaran hendaklah merujuk secara jelas kepada:

- garis masa untuk mencapai sasaran, termasuk tarikh/tempoh pemerhatian terhadap sasaran, peristiwa pencetus dan kekerapan SPT.
- sekiranya relevan, garis dasar atau titik rujukan pilihan yang disahkan untuk penambahbaikan KPI serta rasional bagi penggunaan garis dasar atau titik rujukan tersebut (termasuk tarikh/tempoh):
- sekiranya relevan, situasi yang memerlukan pengiraan semula atau pelarasan pro forma bagi garis dasar;
- di mana mungkin dan dengan mengambil kira persaingan dan kerahsiaan, cara penerbit ingin mencapai SPT tersebut, cth. dengan menerangkan strategi ESG, menyokong tadbir urus dan pelaburan ESG serta strategi operasinya, iaitu dengan menekankan pendorong utama/jenis tindakan yang dijangka akan memacu prestasi ke arah pencapaian SPT serta anggaran sumbangan masing-masing, dalam bentuk kuantitatif sedapat mungkin; dan
- faktor penting lain di luar kawalan penerbit yang boleh menjejaskan pencapaian SPT.

Penerbit digalakkan untuk menyediakan maklumat ini dalam konteks objektif, strategi, dasar dan/atau proses menyeluruh yang berkaitan dengan ESG.

Sehubungan dengan penerbitan Bond Berkaitan Kelestarian, penerbit disarankan untuk melantik penyedia semakan luaran untuk mengesahkan kesejajaran bon mereka dengan lima komponen teras SLBP (seperti Pendapat Pihak Kedua).

Dalam Pendapat Pihak Kedua prapenerbitan, penyemak luar adalah digalakkan² untuk menilai keberkaitan, kekukuhan dan kebolehpercayaan KPI yang dipilih, rasional dan tahap aspirasi SPT yang dicadangkan, keberkaitan dan kebolehpercayaan penanda aras dan garis dasar yang dipilih serta kredibiliti strategi yang digariskan untuk mencapainya, berdasarkan analisis senario sekiranya relevan. Pascapenerbitan, sekiranya terdapat sebarang perubahan

² Rekursa kepada Pendapat Pihak Kedua *ex-ante* disarankan terutamanya ketika ketiadaan penanda aras atau ketidakjelasan ambang prestasi yang penting kepada penerbit.

signifikan kepada perimeter/metodologi KPI/penentuan SPT, penerbit digalakkan untuk mendapatkan penilaian daripada penyemak luar terhadap sebarang perubahan yang dibuat.

Sekiranya penerbit tidak menggunakan khidmat Pendapat Pihak Kedua, penerbit disaran untuk menunjukkan atau membangunkan kepakaran dalaman untuk mengesahkan metodologi mereka. Penerbit disaran untuk mendokumentasikan secara terperinci kepakaran mereka, termasuk proses dalaman yang berkaitan dan kepakaran kakitangan mereka. Dokumentasi ini hendaklah dimaklumkan kepada pelabur.

SLBP menggalakkan penyemak luar untuk menyatakan kelayakan dan kepakaran mereka yang berkaitan dan memaklumkan dengan jelas skop semakan yang dibuat. Garis Panduan Semakan Luaran secara sukarela yang telah dibangunkan oleh GBP untuk menggalakkan amalan terbaik dan boleh digunakan sebagai rujukan. Garis Panduan Sukarela ini merupakan inisiatif berasaskan pasaran untuk menyediakan maklumat dan ketelusan mengenai proses semakan luaran bagi penerbit, penaja jamin, pelabur, pihak berkepentingan lain dan penyemak luar.

3 Ciri-ciri bon

Asas bagi SLB adalah ciri-ciri kewangan dan/atau struktur bon SLB yang dipelbagaikan, bergantung sama ada KPI yang dipilih mampu mencapai (atau tidak) SPT yang telah ditetapkan. SLB perlu memasukkan impak ke atas kewangan dan/atau struktur yang melibatkan peristiwa pencetus.

Contoh potensi kelainan yang paling kerap ditemui di dalam struktur SLB ialah kelainan kupon. Walau bagaimanapun, kelainan ciri-ciri kewangan dan/atau struktur SLB yang lain juga boleh dipertimbangkan.

Disarankan agar kelainan ciri-ciri kewangan dan/atau struktur bon hendaklah setara dan bermakna berbanding dengan ciri-ciri kewangan asal bon yang diterbitkan.

Definisi KPI dan SPT (termasuk metodologi pengiraan) dan potensi kelainan dalam ciri-ciri kewangan dan/atau struktur SLB merupakan elemen yang perlu di dalam dokumentasi bon.

Sebarang mekanisme sokongan hendaklah dijelaskan sekiranya SPT tidak dapat dikira atau dipenuhi dengan memuaskan. Sekiranya perlu, penerbit juga boleh mempertimbangkan bahasa yang digunakan di dalam dokumentasi bon untuk mengambil kira kemungkinan berlakunya peristiwa luar jangka (seperti perubahan signifikan dalam perimeter melalui aktiviti M&A yang matang) atau peristiwa ekstrem, termasuk perubahan mendadak dalam persekitaran kawal selia yang boleh memberikan impak besar terhadap pengiraan KPI, pernyataan semula SPT, dan/atau pelarasan pro forma garis dasar atau skop KPI.

Sila ambil maklum bahawa SLB mungkin melibatkan maklumat yang mungkin sensitif bagi pasaran dan oleh itu, perlu dikendalikan dengan sewajarnya.

4 Pelaporan

Penerbit SLB hendaklah menerbit dan memastikan perkara berikut disediakan dan boleh diperolehi dengan mudah:

- maklumat terkini mengenai prestasi KPI yang dipilih, termasuk garis dasar, sekiranya relevan;
- laporan jaminan pengesahan berbanding dengan SPT yang menggariskan prestasinya terhadap SPT serta impak yang berkaitan, termasuk pemasaan impak tersebut, ke atas ciri-ciri kewangan dan/atau struktur bon; dan
- sebarang maklumat yang membolehkan pelabur memantau tahap aspirasi SPT (cth. sebarang kemas kini dalam strategi kelestarian penerbit atau mengenai KPI/ tadbir urus ESG yang berkaitan, dan secara umumnya, sebarang maklumat yang relevan kepada analisis KPI dan SPT).

Pelaporan ini hendaklah diterbitkan secara berkala, sekurang-kurangnya setiap tahun dan pada mana-mana tarikh/tempoh yang relevan untuk menilai prestasi SPT yang membawa kepada potensi pelarasan ciri-ciri kewangan dan/atau struktur SLB.

Memandangkan beberapa langkah ketelusan telahpun dinyatakan di dalam dokumen tersebut, satu senarai semak bagi cadangan penzahiran pra dan pascapenerbitan telah disediakan di dalam Lampiran II.

5 Pengesahan

Penerbit hendaklah mendapatkan pengesahan bebas dan luaran (contohnya jaminan terhadap atau jaminan munasabah) terhadap tahap prestasi mereka berdasarkan setiap SPT bagi setiap KPI oleh penyemak luar yang layak dengan kepakaran yang relevan³, seperti juruaudit atau perunding alam sekitar, sekurang-kurangnya sekali setahun, dan pada mana-mana tarikh/tempoh yang relevan untuk menilai prestasi SPT yang membawa kepada potensi pelarasan dalam ciri-ciri kewangan dan/atau struktur SLB, sehingga apabila peristiwa pencetus SPT yang terakhir untuk bon tersebut dicapai.

Pengesahan prestasi terhadap SPT hendaklah disediakan untuk orang awam.

Berbanding dengan semakan luaran prapenerbitan seperti Pendapat Pihak Kedua, seperti yang disarankan, pengesahan pascapenerbitan adalah elemen SLBP yang diperlukan.

³ Sila rujuk [Garis Panduan Sukarela Semakan Luaran](#) yang dibangunkan oleh GBP untuk menggalakkan amalan terbaik.

PENAFIAN

Prinsip Bond Berkaitan Kelestarian merupakan garis panduan proses sukarela yang bukan merupakan suatu tawaran untuk membeli atau menjual sekuriti mahupun nasihat khusus dalam apa juga bentuk (cukai, undang-undang, alam sekitar, perakaunan atau kawal selia) berhubung Bon Berkaitan Kelestarian atau mana-mana sekuriti lain. Prinsip Bon Berkaitan Kelestarian tidak memberi apa-apa hak, atau liabiliti kepada mana-mana individu, sama ada awam atau swasta. Penerbit menerima pakai dan melaksanakan Prinsip Bon Berkaitan Kelestarian secara sukarela dan bebas, tanpa pergantungan atau rekursa kepada Prinsip Bon Berkaitan Kelestarian, dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keputusan untuk menerbitkan Bon Berkaitan Kelestarian. Penaja jamin Bon Berkaitan Kelestarian tidak bertanggungjawab sekiranya penerbit tidak mematuhi komitmen mereka terhadap Bon Berkaitan Kelestarian. Sekiranya terdapat percanggahan antara mana-mana undang-undang, statut dan peraturan serta garis panduan yang terkandung dalam Prinsip Bon Berkaitan Kelestarian, undang-undang, statut dan peraturan tempatan yang relevan akan terpakai.

LAMPIRAN I GLOSSARI

Garis Dasar: Garis dasar ialah titik rujukan tetap yang digunakan sebagai perbandingan bagi menentukan pengukuran prestasi SPT.

Penanda Aras: Penanda aras ialah rujukan yang digunakan untuk mengukur atau membandingkan prestasi.

Semakan Luaran: Jawatankuasa Eksekutif Prinsip Bon Hijau dan Bon Sosial telah menerbitkan Garis Panduan bagi Semakan Luaran dan telah menggariskan 4 jenis semakan luaran (1) Pendapat Pihak Kedua (2) Pengesahan (3) Perakuan dan (4) Penskoran/Penarafan. SLBP menyarankan Pendapat Pihak Kedua prapenerbitan tetapi mengkehendaki Pengesahan sebagai salah satu daripada lima komponen terasnya.

KPI: Petunjuk Prestasi Utama ialah matriks yang boleh dinyatakan kuantitinya dan digunakan untuk mengukur prestasi petunjuk yang dipilih.

SPT: Sasaran Prestasi Kelestarian ialah penambahbaikan yang boleh diukur dalam petunjuk prestasi utama di mana penerbit komited kepada garis masa yang telah ditetapkan. SPT hendaklah beraspirasi, signifikan dan di mana mungkin, ditanda aras dan konsisten dengan strategi keseluruhan kelestarian/ESG penerbit.

Tarikh Pemerhatian Sasaran: Tarikh pemerhatian sasaran merujuk kepada tarikh tertentu di mana pemerhatian terhadap prestasi setiap KPI bagi setiap SPT yang telah ditetapkan dibuat.

Penetapan Sasaran: Penetapan sasaran merujuk kepada saranan proses penetapan SPT yang boleh dipercayai seperti yang digariskan di dalam SLBP.

Peristiwa Pencetus: Peristiwa pencetus ialah hasil pemerhatian sama ada suatu KPI telah mencapai SPT yang telah ditetapkan yang mungkin akan menyebabkan berlakunya perubahan di dalam ciri-ciri kewangan dan/atau struktur bon.

Pengesahan: Pengesahan atau perakusaksian, lazimnya dalam bentuk jaminan terhad atau munasabah, yang dibuat oleh pihak ketiga bebas dengan kepakaran dan kelayakan yang berkaitan.

LAMPIRAN II

SENARAI SEMAK DATA PENZAHIRAN SLB

Jadual di bawah ialah senarai semak elemen yang disarankan atau perlu dizahirkan dalam konteks penerbitan SLB. Senarai semak ini adalah sebagai panduan dan tidak terhad. Ia bertujuan untuk menyediakan panduan kepada penerbit SLB untuk menjajarkan penzahiran mereka dengan menggunakan bahasa dan data yang setanding bagi memastikan tahap ketelusan dan pengharmonian yang sewajarnya sebagaimana yang dikehendaki oleh pelabur dan peserta pasaran yang lain.

Penzahiran boleh dibuat di dalam dokumentasi bon dan di mana sesuai, di dalam dokumen berasingan seperti rangka kerja, pembentangan pelabur, semakan luaran atau di laman sesawang penerbit atau laporan kelestarian tahunan atau laporan tahunan.

Penerbit SLB hendaklah menyediakan maklumat tentang KPI, SPT, peristiwa pencetus bagi perubahan ciri-ciri bon, format pelaporan pascapenerbitan dan semakan luaran, serta representasi penerbit berhubung penjajaran dengan SLBP.

Nota: SLB mungkin melibatkan maklumat yang dianggap sensitif oleh pasaran dan pengendalian maklumat ini hendaklah dibuat dengan sewajarnya.

| | | Jenis maklumat | Lokasi | Disaran atau Diperlukan |
|---------------|---------------|---|--|-------------------------|
| Prapenerbitan | Umum | <ul style="list-style-type: none"> Rasional bagi penerbitan SLB dan konsistensi dengan strategi keseluruhan Kelestarian dan Perniagaan penerbit Kejajaran dengan lima komponen teras SLBP Jenis semakan luaran, tarikh penerbitan, nama penyemak | Dokumen prapenerbitan (rangka kerja, pembentangan pelabur, semakan luaran, laman sesawang) | Disarankan |
| | Pemilihan KPI | <ul style="list-style-type: none"> Huraian dan definisi KPI Rasional bagi pemilihan KPI (iaitu keberkaitan dengan strategi penerbit, kematanan) Nilai KPI lampau yang disahkan oleh pihak luar bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebelumnya, di mana munasabah Sekiranya relevan, garis asas atau titik rujukan yang telah disahkan yang dipilih bagi penambahbaikan KPI dan juga rasional bagi penggunaan garis asas atau titik rujukan tersebut (termasuk tarikh/tempoh). | | |

| | | | |
|-----------------------------|--|---|------------|
| Penentuan SPT | <ul style="list-style-type: none"> • Huraian dan definisi KPI • Rasional bagi pemilihan KPI (iaitu keberkaitan dengan strategi penerbit, kematangan) • Nilai KPI lampau yang disahkan oleh pihak luar bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebelumnya, di mana munasabah. • Sekiranya relevan, garis dasar atau titik rujukan pilihan yang disahkan untuk penambahbaikan KPI serta rasional bagi penggunaan garis dasar atau titik rujukan tersebut (termasuk tarikh/tempoh) • Huraian dan definisi SPT • Motivasi bagi SPT yang digariskan (iaitu tahap aspirasi, kaedah penandaarasan dan ketekalan dengan perancangan strategik keseluruhan) • Garis masa untuk mencapai sasaran, termasuk tarikh/tempoh pemerhatian terhadap sasaran, peristiwa pencetus dan kekerapan SPT • Maklumat strategik yang pasti akan memberi kesan terhadap pencapaian SPT • Di mana munasabah, berasaskan sains atau ditanda aras menurut piawaian industri (cth. mempertimbangkan falsafah SMART iaitu spesifik, boleh diukur, boleh dicapai, relevan dan terikat dengan masa) • Cara untuk mencapai sasaran, di mana mungkin dan dengan mengambil kira persaingan dan kerahsiaan: iaitu cara penerbit ingin mencapai SPT tersebut, cth. dengan menerangkan strategi ESG, menyokong tadbir urus dan pelaburan ESG serta strategi operasinya, iaitu dengan menekankan pendorong utama /jenis tindakan yang dijangka akan memacu prestasi ke arah pencapaian SPT serta jangkaan sumbangan masing-masing, dalam bentuk kuantitatif sedapat mungkin. • Faktor penting lain di luar kawalan penerbit yang boleh menjejaskan pencapaian sasaran tersebut. | | |
| Ciri-ciri bon | <ul style="list-style-type: none"> • Definisi KPI dan SPT (termasuk metodologi pengiraan) • Keterangan terperinci mengenai potensi kelainan dalam ciri-ciri kewangan dan/atau struktur SLB • Sekiranya terpakai, penjelasan tentang mekanisme sokongan yang dipertimbangkan seandainya pengiraan atau pemerhatian SPT tidak dapat dilaksanakan atau bukan dengan cara yang memuaskan • Sekiranya terpakai, bahasa untuk mengambil kira kemungkinan berlakunya peristiwa ekstrem/luar jangka (seperti perubahan signifikan dalam perimeter melalui aktiviti M&A yang matan atau perubahan drastik dalam persekitaran kawal selia atau peristiwa ekstrem) yang boleh memberikan impak besar terhadap pengiraan KPI, pernyataan semula SPT dan/atau pelarasan pro forma garis asas atau skop KPI | Dokumentasi Bon (cth. melalui prospektus, prospektus tambahan, pekeliling penawaran, memorandum penawaran, dan lain-lain) | Diperlukan |
| Komitmen pelaporan | <ul style="list-style-type: none"> • Lokasi & kekerapan pelaporan • Skop yang dirancang & perincian pelaporan • Komitmen & penzahiran terhadap semakan luaran pascapenerbitan (pengesahan/ laporan jaminan) | | |
| Pendapat Pihak Kedua | <ul style="list-style-type: none"> • Penerbitan semakan luaran prapenerbitan, seperti pendapat pihak kedua, atau jika relevan pengesahan garis dasar. | Dokumen semakan luaran | Disarankan |

| Pascapenerbitan | | Jenis maklumat | Lokasi | Disarankan vs Diperlukan |
|-----------------|------------------------|---|--|--------------------------|
| | Umum | <ul style="list-style-type: none"> Tarikh terbitan laporan dan semakan luaran ex-post Pengenalpastian bon: ISIN, amaun, mata wang, tarikh matang dan KPI & SPT relatif Skop pelaporan (bon ke bon, program bon) Pematuhan terhadap piawaian atau peraturan tertentu | Dokumen prapenerbitan (rangka kerja, pembentangan pelabur, semakan luaran, laman sesawang) | Disarankan |
| | Pelaporan ⁴ | <p>Penzahiran yang berkala & mudah didapati, sekurang-kurangnya setiap tahun, dan pada mana-mana [tarikh/tempoh] yang relevan untuk menilai prestasi SPT yang membawa kepada potensi pelarasan ciri-ciri kewangan dan/atau struktur bon:</p> <ul style="list-style-type: none"> maklumat terkini tentang prestasi KPI yang dipilih, termasuk garis dasar sekiranya relevan dan sebarang maklumat yang membolehkan pelabur memantau tahap aspirasi SPT (cth. sebarang kemas kini dalam strategi kelestarian penerbit atau terhadap tadbir urus KPI/ESG, dan secara umumnya sebarang maklumat yang relevan bagi analisis KPI dan SPT). <p>Sekiranya munasabah dan boleh dilaksanakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Penjelasan kualitatif atau kuantitatif setiap tahun mengenai sumbangan faktor utama, termasuk aktiviti M&A, di sebalik evolusi prestasi/KPI Ilustrasi mengenai impak kelestarian positif daripada penambahbaikan prestasi Sebarang penilaian semula KPI dan/atau pernyataan semula SPT dan/atau pelarasan pro forma ke atas garis dasar atau skop KPI | | |
| | Pengesahan | <ul style="list-style-type: none"> Laporan Pengesahan/ Jaminan: Pelaporan berkaitan dengan SPT yang disahkan hendaklah disediakan untuk orang awam, menggariskan prestasi terhadap SPT dan impak yang berkaitan, serta pemasaan impak tersebut ke atas ciri-ciri kewangan dan/atau struktur bon. | | Diperlukan |

⁴ Senarai semak ini tidak terhad dan tidak menghalang mana-mana obligasi pelaporan mandatori di bawah undang-undang, peraturan atau peraturan pasaran, terutamanya sekiranya berlaku perubahan dalam ciri-ciri bon (cth. melalui rumah penjelasan, CSD, Ejen Pembayaran Prinsipal, dsb).